

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI

KAWASAN : KUDAT

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

NO. SOALAN : 73

SOALAN

YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah kemungkinan perjanjian perkongsian trans-pasifik (TPPA) akan dibubarkan sekiranya berlaku peralihan pucuk pimpinan di Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana yang pernah diterangkan di dalam Dewan ini, Artikel 30.5 Perjanjian TPP memperuntukkan bahawa Perjanjian TPP boleh berkuat kuasa 60 hari setelah SEMUA negara TPPA telah meratifikasikan

perjanjian tersebut. Sekiranya senario ini tidak berlaku dalam tempoh 2 tahun daripada tarikh perjanjian tersebut ditandatangani, Perjanjian tersebut masih boleh berkuat kuasa dengan ratifikasi yang dilakukan oleh sekurang-kurangnya 6 negara TPP yang mewakili 85% daripada jumlah KDNK negara TPP.

Tuan Yang Dipertua,

Amerika Syarikat mewakili lebih kurang 60% daripada jumlah KDNK negara TPP. Dalam erti kata lain, penyertaan Amerika Syarikat ke TPPA adalah mustahak. Untuk tujuan melaksanakan TPPA, masing-masing negara telah diberi tempoh masa 24 bulan daripada tarikh ia ditandatangani untuk melaksanakan proses domestik sebelum ia boleh diratifikasi dan dilaksanakan.

Berhubung dengan persoalan mengenai sama ada peralihan pucuk pimpinan akan memberi kesan ke atas TPPA, Kerajaan sedar kegagalan untuk memenuhi seperti mana peruntukan Artikel 30.5 yang diterangkan tadi (6 negara TPP + 85% KDNK TPP) mungkin memberi kesan ke atas pelaksanaan perjanjian tersebut. Namun begitu, adalah masih terlalu awal untuk memberi sebarang kesimpulan di masa kini.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai sebuah negara yang bergantung pada perdagangan, Malaysia menyedari potensi TPPA terutamanya semakin banyak negara telah menunjukkan minat untuk mengambil bahagian dalam TPPA. Apa yang lebih penting ialah akses pasaran yang bakal disediakan kepada produk dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran TPPA. Justeru, langkah-

langkah domestik bagi meratifikasi perjanjian telahpun Kerajaan mulakan. Antaranya termasuk persiapan untuk meminda undang-undang dan peraturan yang berkaitan perkastaman, buruh, dan hak harta intelek dalam tempoh 1-2 tahun yang akan datang. Selain itu, program *outreach* dan bina kapasiti oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan turut dipertingkatkan bagi memastikan kesediaan di kalangan IKS tempatan. Bagi tujuan yang sama, satu Jawatankuasa Kebangsaan juga ditubuhkan untuk memantau kemajuan kerja persiapan serta program bina upaya yang dilaksanakan di semua peringkat.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI – BN]**

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN (NO.74)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk membaik pulih gelanggang futsal di setiap parlimen yang sudah banyak mengalami kerosakan khasnya gelanggang dan pagar yang boleh mengakibatkan kecederaan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan mengambil maklum tentang kerosakan gelanggang futsal dan sedang menunggu kelulusan permohonan mewujudkan semula butiran projek di dalam RMK-11 (2016) bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.